

Nama : _____ Kelas : _____



SEKOLAH RENDAH TAHFIZ SAINS DAN TEKNOLOGI PULAU PINANG

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN

2020

BAHASA MELAYU PEMAHAMAN

TAHUN 5

1 Jam 15 Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi satu bahagian.*
2. *Kamu dikehendaki menjawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.*
Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat.
*Kemudian **hitamkan** jawapan yang baharu.*

Disediakan oleh

Disemak oleh

Disahkan oleh

.....
(UST. AZRINA BT AB RAHMAN)
Guru Bahasa Melayu 5
SRITSAT

.....
(UST. FARIHAN NOOR)
Ketua Jabatan Bahasa Melayu
SRITSAT

.....
(UST. AZRINA AB RAHMAN)
Pen.Kanan Pentadbiran
SRITSAT

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

Bahagian A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 16

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 Berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Ibu membeli keperluan dapur dan dua _____ buah anggur di pasar malam.
A ulas C kerat
B gugus D lembar
- 2 Adik menangis apabila menyedari _____ nya tertinggal di sekolah dan adik tidak dapat menyiapkan kerja sekolahnya.
A kotak pensel C tali pinggang
B baju kemeja D botol plastik
- 3 Penduduk kampung berjaya menangkap seekor ular sawa yang kekenyangan setelah _____ seekor anak kambing.
A membaham C menggigit
B mengunyah D menelan
- 4 _____ besar murid-murid sekolah pada hari ini mahir menggunakan komputer.
A Sebahagian C Semua
B Separuh D Setengah

Soalan 5 Berdasarkan gambar di bawah.



- 5 Badang menjadi _____ setelah makan muntah hantu air.
A kuat C liat
B besar D bijak
- 6 Tangan nenek _____ kerana menghadapi simptom penyakit 'Parkinson'.
A terketar-ketar C tercungap-cungap
B terkulai-kulai D terkulat-kulat
- 7 Rombongan _____ Pahang akan bermalam di Hotel Perdana sebelum menguruskan majlis merisik pada keesokan harinya.
A di C dari
B pada D daripada
- 8 Izani dan Nabila tinggal berjiran dan bersahabat baik. _____ sering mengulang kaji pelajaran bersama-sama pada waktu petang.
A Mereka C Awak
B Kalian D Dia

Soalan 9 Berdasarkan pernyataan di bawah.

Raja di negeri itu sentiasa berusaha untuk menjatuhkan Melaka, tetapi baginda gagal.

- 9 Apakah yang berlaku kepada raja itu setiap kali baginda kalah?
A Murka C Mangkat
B Gering D Santai

- 10 Kakak membaca buku di pondok bacaan _____ menunggu bas sekolah datang.
A sebelum C sementara
B semenjak D sekiranya
- 11 Emak membentangkan tikar mengkuang itu di bawah sebatang pokok yang rendang.
Pilih perkataan **antonim** bagi perkataan membentangkan.
A menggulung C mempamerkan
B menyimpan D menghamparkan
- 12 Hidupnya sekeluarga sangat susah dan miskin. _____ begitu, dia tidak pernah menyesal dan merungut, malah sentiasa bersyukur.
A Walau bagaimanapun C Kendatipun
B Sekiranya D Sungguhpun
- 13 Kemalangan yang berlaku di _____ Jambatan Pulau Pinang telah menyebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas.
A penjuru C atas
B tepi D hujung
- 14 “ _____ buang sampah ke dalam tong sampah yang telah disediakan”, pesan Cikgu Kamal kepada anak muridnya.
A Jangan C Jemput
B Minta D Tolong
- 15 Pilih ayat yang **betul**
I. Hafiz Amdan telah terpilih sebagai pemain terbaik pada malam itu.
II. Irfan Bakti merupakan salah seorang jurulatih bola sepak yang disegani.
III. Kelemahannya dalam mata pelajaran Matematik dikagumi oleh gurunya.
IV. Semua guru-guru itu sedang bermesyuarat di Bilik Gerakan sekolah.
A I dan II C I, II dan III
B II dan IV D II, III dan IV

BAHAGIAN B

[30 markah]

Soalan 21

(a) Tandakan (✓) bagi **kata ganda yang betul** berdasarkan ayat di bawah.

- (i) Sikap Hasan yang sombong dan berlagak tidak disenangi oleh kawan-kawannya. Simpulan bahasa yang sesuai untuk menyatakan sikap Hasan ialah _____.

kera sumbing () ringan tulang () hidung tinggi ()

- (ii) Ting Ling meminta bantuan abangnya untuk melangsaikan hutangnya setelah dia menemui _____.

jalan buntu () jalan keluar () jalan mati ()

[2 markah]

(b) **Padankan** perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

(i)	Guru besar mengucapkan tahniah kepada pasukan bola sepak kerana telah _____ perlawanan bola sepak peringkat daerah.	mendahului
(ii)	Wajahnya kelihatan pucat selepas _____ pembedahan itu.	menjuarai
(iii)	Pengerusi majlis itu _____ ucapannya dengan serangkap pantun.	menduduki
(iv)	Aina Nabila akan _____ peperiksaan SPM pada minggu hadapan.	menjalani

[2 markah]

(c) **Gariskan** jawapan yang **paling sesuai** bagi ayat di bawah.

- (i) Kita perlu (menuntut, menagih, mendapat) ilmu agar kita tidak kecundang dalam hidup.
 (ii) Kapal terbang itu berjaya (mencecah, melantun, mendarat) dengan selamat walaupun menghadapi masalah teknikal.

[2 markah]

Soalan 22

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

berkembang	golongan	kebudayaan	menetap	tradisional
dikenali	peperangan	mendarat	berasal	

Makyung merupakan salah satu drama tari _____ yang popular di Kelantan. Menurut ahli-ahli _____, makyung berasal dari Sumatera dan di bawa ke Malaysia oleh _____ istana yang kalah dalam peperangan. Mereka _____ di pantai negeri Terengganu, lalu menetap di kawasan itu. Tempat itu akhirnya dikenali sebagai Padang Raja. Dari Padang Raja inilah, makyung mulai _____ ke negeri Kelantan.

[5 markah]

Soalan 23

Baca dan teliti iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Anjuran : Persatuan Penduduk Taman Palma Indah		
Gotong-royong Membersihkan Surau		
Tarikh : 22 April 2020	Hari : Sabtu	Tempat : Surau Al-Amin
Perhatian :		
➤ Sila bawa peralatan seperti cangkul, parang, sabit, dan penyapu.		
➤ Beberapa orang pekerja majlis daerah akan menyertai aktiviti ini.		

- (a) Apakah peralatan yang perlu dibawa oleh penduduk yang menyertai gotong-royong ini?

[2 markah]

- (b) Aktiviti gotong-royong ini adalah anjuran

[1 markah]

- (c) Pada pendapat kamu, apakah kebaikan gotong-royong?

[2 markah]

Soalan 24

Baca dan fahami petikan berita di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Bukit Mertajam, 29 Jun – Nilai eksport buah-buahan tempatan ke pasaran luar negara mencecah purata RM 500 juta pada setiap tahun dengan Singapura dan China menjadi pengimport utama.

Jumlah berkenaan dijangka akan meningkat apabila Korea Selatan dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE) menjadi negara terbaharu yang turut berminat untuk mengimport buah-buahan tempatan seperti durian, manggis dan mangga.

Menurut Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), negara kita berjaya menembusi pasaran China untuk membawa masuk buah-buahan seperti durian, manggis, cempedak, dan mangga selain produk berasaskan durian.

“Bagi mencapai hasrat itu, pengeluaran buah-buahan bermusim di negara ini ditingkatkan sehingga 100, 000 tan metrik pada tahun ini,” katanya selepas merasmikan Karnival Amal dan Keusahawanan – Festival Makanan dan Buah-buahan di Universiti Teknologi Mara (UITM) cawangan Pulau Pinang, malam tadi.

- (a) Negara manakah yang menjadi pengimport utama buah-buahan tempatan dari negara kita?

[2 markah]

- (b) Tandakan (√) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah.

(i)	Singapura dan China merupakan pengimport utama buah-buahan tempatan dari negara kita.	
(ii)	Antara buah-buahan tempatan yang dieksport ke luar negara ialah nangka, tembikai, dan dokong.	

[2 markah]

- (c) Pada pendapat kamu, perlukah buah-buahan tempatan dieksport ke luar negara? Mengapa?

[3 markah]

Soalan 25

Baca pantun di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Enak rasanya air kelapa,
Dimakan bersama sepinggan laksa,
Jangan dilupakan jasa ibu bapa,
Kasih mereka sepanjang masa.

Leka mencecah jeruk mangga,
Masam dan pedas sangat terasa,
Pengorbanan guru tidak terhingga,
Mendidik membimbing tak kira masa.

Jangan dihina insan papa,
Berilah perhatian seikhlas rasa,
Jiran tetangga bertegur sapa,
Kelak hidup aman sentosa.

- (a) Kita mestilah menghormati dan menyayangi ibu bapa kita kerana

[2 markah]

- (b) Pengorbanan guru terhadap diri kita tidak terkira kerana mereka

[2 markah]

- (c) Jiran di sebelah rumah kamu ditimpa kesusahan dan memerlukan bantuan. Apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

[3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT. SEMOGA BERJAYA.